

26 MAR 1997

M'SIA TIDAK AKAN ABAIKAN INDUSTRI PEMBUATAN TRADISIONAL, KATA MAHATHIR

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada para pelabur Jepun bahawa Malaysia tidak akan mengabaikan industri pembuatan sedia ada ketika negara menuju ke arah teknologi maklumat dan industri nilai ditambah.

Walaupun jika sesebuah negara membangunkan industri perisian, masih ada keperluan bagi bidang perkakasan, katanya sebagai meredakan kebimbangan yang dilahirkan oleh sesetengah ahli perniagaan Jepun yang mempunyai operasi pembuatan yang besar di Malaysia.

"Bagaimanapun, jenis pembuatan yang dijalankan boleh menggunakan teknik-teknik baru yang dibangunkan oleh multimedia," katanya pada pertemuan meja bulat dengan kira-kira 100 ahli perniagaan Malaysia dan Jepun di sini.

Sesi itu, yang dikendalikan oleh pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Datuk Dr Noordin Sopiee, dianjurkan oleh Kedutaan Malaysia.

Dr Mahathir menjelaskan mengenai keperluan Malaysia untuk menceburi bidang IT (teknologi maklumat) dan latar belakang yang membawa kepada keputusan untuk menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata Malaysia ingin sekali berkembang dan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Walaupun negara telah mencapai kemajuan selepas melaksanakan program pengindustrian, arah haluan di dunia sekarang menunjukkan bahawa pembuatan sahaja tidak mencukupi.

"Kita mengambil keputusan untuk menceburi bidang IT dan pada peringkat ini tidak ada mana-mana negara yang mempunyai kelebihan ke atas negara lain dalam bidang yang baru ini, dan kita berpendapat kita mempunyai peluang untuk berjaya.

"Sudah tentu kita tidak boleh melakukannya bersendirian. Kita masih memerlukan input daripada mereka yang lebih maju," katanya.

Dr Mahathir menjemput syarikat-syarikat Jepun supaya mengambil peluang daripada MSC.

Semasa sesi soal jawab, Dr Mahathir berkata adalah menjadi sebahagian daripada rancangan bagi MSC dihubungkan dengan zon-zon yang serupa yang dibangunkan di negara-negara lain seperti Daerah Multimedia Khas Okinawa di Jepun.

Dr Mahathir, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi empat hari, mempunyai aturcara yang sibuk hari ini bermula dengan majlis sambutan rasmi di Istana Tetamu Akasaka pagi ini.

Ini diikuti dengan istiadat menghadap dan santapan tengah hari dengan Maharaja Akihito di Istana Imperial.

Selepas menghadiri pertemuan meja bulat itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani kontrak pembekalan bagi sistem monorel Kuala Lumpur.

Beliau kemudian mengunjungi Perdana Menteri Ryutaro Hashimoto, diikuti oleh perbincangan formal antara rombongan Malaysia dan Jepun.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir diraikan pada jamuan negara di kediaman rasmi Perdana Menteri. -- BERNAMA

SJ AKD OS